

HO Hui Ling

Universiti Malaya, Malaysia.

KEBANGKITAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM), 1968-1989: PENELITIAN TERHADAP KEGIATAN KOMUNIS DI SEMENANJUNG MALAYSIA

THE RISE OF THE COMMUNIST PARTY OF MALAYA (CPM), 1968-1989: REVIEW OF COMMUNIST ACTIVITIES IN PENINSULAR MALAYSIA

Artikel ini memperinci kebangkitan semula PKM di Semenanjung Malaysia pada 1 Jun 1968 untuk meneruskan perjuangan bersenjata mereka. PKM telah gagal dalam perjuangan bersenjata tahap pertama yang bermula pada 16 Jun 1948 sehingga 31 Julai 1960, iaitu ketika zaman darurat di Tanah Melayu. Kemunculan semula PKM didorong oleh beberapa faktor, iaitu mereka berjaya mendapat bantuan daripada penduduk di Selatan Thailand, perkembangan komunis di China, Vietnam dan Sarawak serta penyusunan semula organisasi PKM. Faktor-faktor ini menyebabkan PKM berpandapat masa telah tiba untuk meneruskan semula perjuangan. Matlamat kemunculan semula PKM adalah sama dengan perjuangan tahap pertama mereka, iaitu untuk menguasai negara ini dan mendirikan republik komunis di Semenanjung. Sasaran utama PKM pada kali ini ialah anggota keselamatan dan pegawai kanan keselamatan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam melakukan penentangan terhadap pergerakan mereka. Komunis turut menyerang orang, mensabotaj kemudahan awam dan melakukan rompakan bank. Selain itu, komunis juga bertindak menyusup ke dalam institusi pendidikan dan pertubuhan pekerja serta cuba mempengaruhi pemimpin politik serta mengibarkan bendera dan menyebarkan risalah komunis di tempat-tempat awam. Hasil kajian ini mendapati kegiatan yang dijalankan oleh komunis telah menimbulkan banyak masalah dan ketidaktenteraman dalam negara. Bagaimanapun, akhirnya PKM tidak berjaya dalam perjuangan bersenjatanya dan bersetuju menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan pada

2 Disember 1989.

Katakunci: *Kebangkitan PKM, perjuangan bersenjata, republik komunis, kegiatan komunis, Semenanjung Malaysia*

This article studies the re-emerged of Malayan Communist Party (MCP) in Peninsular Malaysia on 1 June 1968 to resume their armed struggle. The MCP failed in their first armed struggle that began on 16 June 1948 and lasted until 31 July 1960, during the period of Emergency in Malaya. The re-emergence of the MCP was due to several factors, which were their ability to win support from the populace in southern Thailand, the spread of communist influence in Mainland China, Vietnam, and Sarawak, and the reorganisation of the MCP. These factors led the MCP to the idea that their struggle should be resumed. The objective of MCP's re-emergence was similar to their earlier goal to seize control of the nation and establish a communist republic in the Peninsular. The main targets of the MCP in their latest campaign were the security forces and their high-ranking officers who were responsible for the main opposition to the communists. The communists attacked civilians, sabotaged public facilities and involved in bank robberies. Furthermore, the communists infiltrated education institutions and labour unions, as well as influencing political leaders and also displayed their flag and distribute communist propaganda tracts in public places. This study found that the acts perpetrated by the communists have caused problems and unrest in the country. However, the MCP failed in their armed struggle and agreed to sign a peace treaty with the government on 2 December 1989.

Keywords: *The rise of MCP, armed struggle, communist republic, communist activities, Peninsular Malaysia*

Pengenalan

Pergerakan komunis di Malaysia bukan hanya bermula pada tahun 1968 tetapi pergerakannya telah dikesan seawal tahun 1920-an lagi. Namun demikian, tahun 1968 adalah penting kerana PKM mengambil keputusan untuk kembali

berjuang semula di Semenanjung Malaysia pada Jun 1968. Berikutan keputusan PKM itu, pelbagai kegiatan telah dijalankan bagi menghidupkan semula pengaruh dan perjuangannya supaya tercapai objektif mereka dalam menguasai negara ini. Justeru itu, perbincangan dalam artikel ini menjurus kepada kegiatan yang dijalankan oleh PKM selepas mereka mengambil keputusan kembali berjuang di Semenanjung Malaysia pada 1 Jun 1968 sehingga PKM bersetuju menghentikan perjuangan bersenjata pada 2 Disember 1989. Dari situ juga artikel ini cuba memaparkan kegiatan komunis masih merupakan satu bahaya ancaman kepada keselamatan dan keamanan negara selepas merdeka.

Sebelum melihat kepada kegiatan komunis dalam era kemunculan semula, adalah elok untuk kita mengetahui sedikit latar belakang PKM. Pada tahun 1920-an, komunis menyebarkan kegiatan dan fahaman mereka kepada golongan belia, pekerja dan pelajar melalui cawangan parti Kuomintang (KMT), kesatuan sekerja, sekolah dan penerbitan. Pergerakan komunis menjadi lebih rancak dan tersusun dengan pembentukan Parti Komunis Malaya (PKM) pada April 1930. PKM bermatlamat untuk menubuhkan sebuah kerajaan komunis di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Republik Rakyat Malaya. Pergerakan komunis mencapai kemuncak pada Jun 1948 berikutan PKM memulakan siri keganasan dan kekerasan di negeri-negeri Melayu bagi merealisasikan matlamat perjuangannya. Kekacauan yang ditimbulkan oleh PKM itu telah menyebabkan Tanah Melayu memasuki zaman darurat di bawah Undang-undang Darurat yang diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Edward Gent pada 18 Jun 1948. Zaman darurat berakhir pada 31 Julai 1960 apabila pihak kerajaan dengan kerjasama orang awam telah berjaya melemahkan pergerakan PKM. Dengan itu, berakhirilah tahap pertama perjuangan bersenjata PKM dan saki-baki anggota PKM mengundurkan diri ke Selatan Thailand. Akhirnya, pada Jun 1968, PKM memulakan semula perjuangan bersenjata di Semenanjung Malaysia buat kali kedua. Perjuangan bersenjata PKM kali ini hanya berakhir apabila komunis bersetuju berdamai dengan pihak kerajaan pada 2 Disember 1989.

Kebangkitan Semula PKM

Tamatnya zaman darurat¹ pada 31 Julai 1960 bukanlah bermakna berakhirnya perjuangan komunis di Tanah Melayu kerana PKM belum lagi meletakkan

senjata dan menghentikan perjuangan mereka. Sebaliknya, kesempatan itu telah digunakan oleh PKM untuk memperkuat barisan tentera dan memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti ketika mereka berada di bahagian selatan sempadan Malaysia-Thailand, iaitu di sekitar Songkhla, Yala, Narathiwat dan Pattani.

Ketika menyambut ulang tahun ke-20 gerakan bersenjata PKM pada 1 Jun 1968, Jawatankuasa Pusat PKM mengisytiharkan untuk meneruskan perjuangannya dengan mengutamakan corak keganasan bersenjata.² Keputusan PKM untuk memulakan gerakan bersenjata di Semenanjung Malaysia itu turut dilaporkan dalam Kertas Putih Kerajaan Malaysia, bertajuk *The Path of Violence to Absolute Power*, yang diterbitkan pada tahun 1968, bahawa “The CPM has made it increasingly clear that the time has come for the launching of an all-out militant United Front campaign in which all pretences of out-ward compliance with the constitution will be abandoned, in order to clear the path for an ultimate seizure of power by violence and bloodshed”.³ Berdasarkan keputusan tersebut, pada 17 Jun 1968, komunis memulakan serangan pertama di Semenanjung Malaysia dengan melintasi sempadan dari Selatan Thailand dan melakukan serangan hendap ke atas pasukan keselamatan Malaysia di Kroh yang menyebabkan 17 orang anggota keselamatan terkorban. Dengan itu, setelah hampir lapan tahun berdiam diri di kawasan Selatan Thailand, PKM telah kembali untuk meneruskan perjuangan mereka di Semenanjung Malaysia untuk menubuhkan Republik Rakyat Malaya.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong PKM menggerakkan semula perjuangan bersenjata mereka pada 17 Jun 1968. Antaranya, PKM telah mendapat sokongan daripada penduduk di Selatan Thailand. Keadaan ini telah meningkatkan semangat dan keyakinan PKM untuk terus berjuang ke arah mencapai matlamatnya. Pengunduran PKM ke Selatan Thailand selama ini adalah satu strategi bagi mengelakkan kemusnahan yang besar disamping menyusun semula organisasi dan barisan pejuangnya. Di antara tahun 1960 hingga 1968, PKM amat aktif dalam melaksanakan kegiatan propaganda bagi mendapatkan sokongan dari masyarakat setempat. Penduduk tempatan di Selatan Thailand terdiri daripada golongan petani yang miskin dan terbiar dari segi pembangunan serta perlindungan. PKM mengambil peluang ini dengan membuat kebajikan seperti memberikan bantuan perubatan, bergotong-royong bagi membantu penduduk tempatan dan melaksanakan kerja-kerja amal kepada penduduk. Pada masa yang sama komunis menanamkan ideologi serta matlamat perjuangan mereka kepada penduduk. Masyarakat setempat juga

amat bergantung harap kepada kekuatan PKM bagi menjaga keselamatan dan keamanan mereka. Sebagai tanda sokongan kepada bantuan PKM, penduduk setempat memberikan berbagai-bagai bantuan kepada PKM sama ada dari segi ekonomi mahupun sumber tenaga manusia (Mohd. Reduan 1993: 95; Ho 2010: 171).

Justeru itu, PKM dapat memperkuat barisan pejuang mereka dengan merekrut kader-kader baru yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan penduduk di Selatan Thailand. Pada tahun 1964, PKM telah berjaya memenangi dan merekrut penduduk setempat sehingga kekuatan angkatannya meningkat kepada hampir 800 orang berbanding dengan kurang daripada 300 orang pada tahun 1960 (Ward and Mirafior 2003: 435). Menjelang pelancaran gerakan bersenjata kedua PKM, dilaporkan PKM mempunyai kekuatan tentera berjumlah 2,047 orang. Anggota-anggota komunis itu terdiri daripada 732 orang rakyat Malaysia keturunan Cina, 107 orang rakyat Malaysia keturunan Melayu, 2 orang rakyat Malaysia Keturunan India, 11 Orang Asli Malaysia, 23 rakyat Malaysia keturunan Cina yang mengakui diri mereka muafak, 661 rakyat Thailand keturunan Cina, 509 orang Islam Thailand dan dua orang keturunan Jepun (Mohd. Reduan 1993: 135). Berdasarkan angka tersebut jelas bahawa faktor etnik mempengaruhi kejayaan PKM dalam memenangi sokongan orang Cina di Selatan Thailand memandangkan pergerakan PKM adalah didominasi oleh orang Cina.

Selain itu, kawasan sempadan Malaysia-Thailand memberikan satu ruang yang baik dalam perjuangan PKM kerana kawasan itu terdiri dari kawasan tanah tinggi yang bergunung-ganang dan berbukti-bukau. Kawasan ini amat sesuai dijadikan sebagai tempat persembunyian kader-kader PKM kerana kawasan yang terlindung dan sukar dikesan oleh pasukan keselamatan sama ada dari darat ataupun udara. Kawasan sempadan ini juga mempunyai laluan-laluan yang pernah digunakan oleh penduduk di kedua-dua buah negara sama ada bagi mengunjungi saudara mara mereka, mencari hasil hutan ataupun menjalankan aktiviti penyeludupan. Laluan-laluan ini juga digunakan oleh komunis bagi melancarkan kegiatan mereka di kawasan Malaysia dan melarikan diri apabila diburu oleh pasukan keselamatan.⁴

Kerajaan China juga memainkan peranan dalam membantu perjuangan PKM dengan memberikan perlindungan, nasihat dan bantuan kepada pemimpin-pemimpin PKM yang berada di negara tersebut sebelum tahun 1974. Hubungan PKM secara terus dengan Parti Komunis China (PKC) di China telah terjalin pada tahun 1956 dengan kehadiran pengerusi PKM,

iaitu Musa Ahmad di Peking sebagai Ketua Perwakilan PKM di luar negara yang membolehkan beliau berhubung dengan parti-parti komunis yang lain. Hubungan ini semakin rancak dengan kehadiran Chin Peng, Setiausaha Agung PKM di Peking pada tahun 1961. Antara bantuan yang diperlukan oleh PKM di Peking adalah seperti latihan-latihan bagi ahli-ahli PKM di China, penubuhan stesen radio PKM di China, serta bantuan nasihat dan kewangan. Selain itu, pemimpin-pemimpin kanan PKM ini berpeluang untuk menghadiri persidangan-persidangan Parti Komunis Antarabangsa dan ini membolehkan hubungan di peringkat antarabangsa terjalin. Kehadiran pemimpin kanan PKM di Peking ini menjadikan China sebagai pusat kawalan kepada pergerakan PKM di Malaysia dimana Chin Peng telah melaksanakan segala arahnya dari negara China dengan mendapat nasihat dari pemimpin PKC (Ho 2010: 172-173; Miller 1972: 201; Chin 1995: 137). Namun demikian, apabila Malaysia dengan China menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1974, PKM menghadapi halangan dalam mendapat sokongan daripada komunis China. Ini kerana kerajaan China menegaskan tidak akan terlibat dalam kegiatan komunis di Malaysia. Dalam hal itu, pemimpin China, Chou En-lai memberi jaminan bahawa penganas komunis di Malaysia tidak akan mendapat sebarang bantuan dari Republik itu dan perhubungan tidak akan wujud di antara Republik itu dengan komunis di Malaysia.⁵

Perkembangan komunis di Indochina pada lewat 1960-an turut mempengaruhi kebangkitan semula PKM. Tentera komunis di Vietnam Utara (Vietcong) dalam usaha mengusir tentera Amerika Syarikat dari Vietnam Selatan memberi perangsang dan membangkitkan semangat baru PKM untuk menggerakkan pasukan bersenjata ke Semenanjung Malaysia. Di Vietnam, Ho Chi Minh mendapat sokongan yang meluas semasa berjuang untuk mewujudkan negara komunis di Vietnam. Tentera Vietnam Utara kemudian telah berjaya menawan Vietnam Selatan dengan menghalau tentera Amerika Syarikat dari bumi Vietnam. Perjuangan ini juga ingin diikuti oleh PKM dalam perjuangannya di Semenanjung Malaysia. Perkembangan tersebut turut meningkatkan semangat juang PKM yang mana mereka telah memulakan pemberontakan bersenjata pada Jun 1968. Malahan PKM telah menggunakan taktik Vietcong dalam gerakan serangan dan pertahanannya di Semenanjung Malaysia. Gerila komunis telah memasang periuk api dan perangkap maut di kawasan hutan serta denai untuk menghalang operasi pasukan keselamatan di Semenanjung Malaysia.⁶

Sementara itu, perkembangan gerakan komunis di negeri Sarawak di

bawah Parti Komunis Sarawak (PKS) atau juga dikenali sebagai *Sarawak Communist Organisation* (SCO) pada tahun-tahun 1960-an turut mendorong PKM untuk memulakan gerakan bersenjata yang kedua di Semenanjung Malaysia. Di Sarawak, walaupun kegiatan komunis telah dikesan pada tahun 1920-an tetapi komunis hanya bergiat aktif selepas Malaysia dibentuk dan Sarawak berada di dalam Malaysia. Komunis Sarawak pada ketika itu memperjuangkan kemerdekaan Sarawak dan bersekongkol dengan komunis Indonesia dalam menentang Malaysia. Selaras itu juga SCO berusaha untuk menyebarkan fahaman komunis dan meluaskan pengaruhnya dalam kalangan rakyat tempatan melalui parti politik dan pertubuhan pekerja; juga mempengaruhi golongan petani, pelajar dan belia. SCO juga berusaha dalam memperkuat barisannya, iaitu Barisan Gerila, Barisan Bawah Tanah dan juga Barisan Bersatu sebagai persiapan untuk melancarkan pemberontakan bersenjata di Sarawak bagi merampas kuasa politik dan seterusnya menubuhkan sebuah republik komunis di Kalimantan Utara, yang meliputi Sarawak, Sabah dan Brunei.⁷ Perkembangan di Sarawak ini turut memberi ilham kepada PKM untuk meneruskan gerakan bersenjatanya menentang kerajaan di Semenanjung Malaysia.

Dalam pada itu, organisasi PKM telah disusun semula supaya dapat memberi impak yang lebih baik dan berkesan terhadap pergerakan mereka di Semenanjung Malaysia. PKM di bawah pimpinan Chin Peng telah menyusun semula organisasinya dengan mengatur semula pemimpin dan penempatan rejimennya di kawasan sempadan di Selatan Thailand. Rejimen Ke-8 ditempatkan di kawasan Sadao di utara Kedah, Rejimen Ke-10 di Weng dan Rejimen Ke-12 bersama Markas Induk ditempatkan di Kompleks Betong di bawah pemerintahan Biro Utama Malaya (BUM) yang juga bertanggungjawab bagi mengarahkan aktiviti unit penggempur di Semenanjung Malaysia. Rejimen Ke-8 yang diketuai oleh Wong Chung Sing @ Eik Chiang adalah ditugaskan untuk melakukan keganasan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Mereka sering menyusup ke Semenanjung Malaysia di kawasan Sintok, Padang Serai dan Changlung.⁸ Rejimen Ke-10 diketuai oleh Rashid Maidin dengan kawasan gerak tindak mereka di kawasan Weng, berhampiran sempadan Thailand-Kelantan. Rejimen Ke-12 diketuai oleh Ah Sek @ Ah Sze bergerak di kawasan Perak, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan selatan Selangor. Rejimen ini selain bertanggungjawab mengendalikan unit-unit penggempur di Semenanjung Malaysia, ia juga ditugaskan untuk mengawal dan mengarahkan rangkaian penyampaian maklumat serta berfungsi sebagai pusat

pengambilan rekrut baru.⁹ Melalui pembahagian kawasan tumpuan pergerakan dan tanggungjawab masing-masing telah dapat membantu meningkatkan kecekapan PKM dalam menjalankan rancangannya di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, sebuah Politburo (Jawatankuasa Utama Penggubal Polisi) telah dibentuk dalam PKM bagi memperkemaskan lagi pentadbiran PKM dan untuk menerima sebarang arahan serta polisi dari masa ke semasa daripada wakil tertinggi PKM di Peking. Dalam proses penyusunan semula ini, tentera PKM diberi nama baru, iaitu Tentera Pembebasan Nasional Malaya (*Malayan National Liberation Army/MNLA*) dan sebuah pertubuhan bawah tanah yang baru turut diwujudkan, iaitu Liga Pembebasan Nasional Malaya (*Malayan National Liberation League/MNLL*).¹⁰ Pada masa yang sama, PKM telah menubuhkan pelbagai pertubuhan sulit untuk menarik sokongan rakyat jelata yang amat diperlukan dalam meneruskan perjuangan mereka di Semenanjung Malaysia. Pertubuhan sulit itu adalah seperti Barisan Revolusi Malaya (*Front Revolusi Malaya*) untuk mempengaruhi penyertaan golongan buruh dalam pergerakan mereka. Kesatuan Penuntut-Penuntut Revolusioner Seluruh Pulau Pinang (KPRSP) atau *All Penang Revolutionary Students' Union* (APRSU) dan Liga belia Komunis Malaya (LBKM) atau *Malayan Communist Youth League* (MCYL) dibentuk pula untuk menarik sokongan golongan pelajar kepada pergerakan PKM.¹¹

Melihat kepada perkembangan di atas, PKM memutuskan untuk memulakan gerakan bersenjata kedua dan menyusup masuk semula di Semenanjung Malaysia. Ekoran dari itu, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Kertas Putih yang berjudul *The Path of Violence To Absolute Power* pada November 1968 sebagai ingatan kepada penduduk tentang niat komunis untuk merampas kuasa politik di negara ini. Kertas Putih ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengertian yang perlu ada pada rakyat keseluruhannya tentang ancaman komunis kepada keamanan, kemakmuran dan keselamatan negara. Dengan itu, kerajaan berharap rakyat bertindak dengan penuh keazaman bersama kerajaan untuk menghancurkan gerakan komunis yang berjuang bagi mencapai matlamat mereka secara kekerasan bersenjata.¹²

Kegiatan PKM

Setelah PKM mengambil keputusan untuk kembali berjuang semula di Semenanjung Malaysia dalam perjuangan bersenjata kali kedua, satu siri serangan, pembunuhan dan sabotaj telah dilancarkan oleh PKM. Sasaran utama

mereka pada kali ini ialah anggota keselamatan dan pegawai keselamatan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam melakukan penentangan terhadap mereka. Sehubungan itu, komunis turut menyerang dan membakar pondok serta balai polis. Di samping itu, turut dilaporkan komunis menyerang orang awam yang menyebabkan kecederaan dan kematian. Mereka turut melakukan kerosakan ke atas kemudahan awam apabila mendapati bahawa tindakan kerajaan menyediakan kemudahan itu boleh menyekat pergerakan mereka. Komunis juga melakukan rompak bank bagi menampung sumber kewangan keperluan anggota dan pasukannya. Selain itu, komunis juga bertindak menyusup ke dalam institusi pendidikan dan pertubuhan serta mempengaruhi pemimpin politik negara sehingga kemudian beberapa orang pemimpin ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negara (*Internal Security Act/ISA*) kerana kegiatan prokomunisnya. Komunis turut mengibarkan bendera dan menyebarkan risalah komunis di tempat-tempat awam untuk mencabar pihak kerajaan bahawa pengaruh komunis semakin meluas dan boleh muncul di mana-mana. Kegiatan komunis itu telah menimbulkan banyak masalah, gangguan dan ketidaktenteraman dalam negara.

Berbanding dengan gerakan komunis pada zaman darurat (1948-1960), strategi PKM dalam era kebangkitan semula ini terdapat sedikit berbeza. PKM lebih memberi tumpuan kepada menghapuskan anggota dan pegawai keselamatan daripada orang awam. Ini kerana pasukan keselamatan merupakan halangan terbesar untuk komunis meneruskan gerakannya. Mereka sering berdepan dengan serangan balas dan operasi ketenteraan yang dilancarkan oleh pasukan keselamatan bagi menghapuskan komunis. Bagaimanapun, pada masa yang sama, PKM juga tidak melupakan kegiatan yang boleh menimbulkan kesukaran kepada rakyat dan kerajaan seperti serangan, sabotaj dan penyusupan dalam kalangan massa sebagaimana yang berlaku pada zaman darurat sebelum ini.

Serangan Ke Atas Pasukan Keselamatan, Balai Polis dan Pegawai Keselamatan

Kegiatan serangan PKM terhadap pasukan keselamatan, balai polis dan pegawai keselamatan adalah bertujuan untuk melemahkan semangat juang pasukan keselamatan dan jentera keselamatan negara. Kegiatan PKM tersebut juga adalah penting dari segi psikologi dimana tindakan-tindakan PKM tersebut dapat melahirkan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan rakyat

di atas keselamatan mereka serta keamanan negara. Daripada ketakutan dan kegelisahan rakyat inilah PKM berharap penduduk akan hilang keyakinan terhadap kerajaan dan membantu komunis dalam menjayakan rancangan untuk merampas kuasa politik di Malaysia.¹³

Dalam era kemunculan semula ini, anggota keselamatan menjadi tumpuan utama komunis untuk melancarkan serangan mereka. Ini kerana merekalah yang mengambil bahagian dalam gerakan atau operasi mengesan, memburu, bertempur dan menghapuskan komunis. Kehadiran pasukan keselamatan ini boleh mengganggu rancangan dan gerakan komunis untuk memulakan semula perjuangan bersenjata buat kali kedua di Semenanjung. Begitu juga, pegawai kanan polis dan cawangan khas turut menjadi sasaran komunis apabila mendapati merekalah yang memperoleh banyak maklumat tentang rancangan dan gerakan komunis. Maklumat itu membawa kejayaan kepada operasi menentang komunis di Semenanjung Malaysia.

Kejadian pertama yang dilakukan oleh PKM di Semenanjung Malaysia yang menandakan bermulanya gerakan bersenjata kedua PKM ialah kejadian serang hendap yang dilancarkan ke atas 50 orang anggota pasukan keselamatan Malaysia pada 17 Jun 1968. Serangan itu berlaku ketika mereka sedang menjalankan rondaan di kawasan Kroh-Betong berdekatan pekan Kroh, Perak. Kejadian itu mengakibatkan 17 orang anggota polis Malaysia terkorban dan 16 orang lagi cedera.¹⁴ Dalam kejadian lain, pada 27 Julai 1969, komunis menyerang hendap sepasukan keselamatan yang dihantar ke kawasan Sintok, Kedah untuk menjalankan siasatan ke atas kejadian komunis membunuh seorang wanita pada 24 Julai 1969. Kejadian komunis itu mengakibatkan enam orang askar terbunuh dan lapan yang lain cedera.¹⁵ Seterusnya, pada 25 Oktober 1969, komunis juga cuba menyerang hendap sepasukan konvoi pasukan keselamatan Malaysia yang terdiri daripada dua buah kereta perisai dan tiga buah kereta tentera yang sedang bergerak mengesan komunis di kawasan sempadan antara Changlun dengan Sadao, iaitu berdekatan Alor Setar, tetapi gagal. Ini kerana pasukan keselamatan segera membalas tembakan dan komunis melarikan diri ke dalam hutan.¹⁶ Kegagalan ini tidak mematahkan semangat juang komunis, malah mereka meneruskan kegiatan keganasan dan kekerasan.

Pada 3 Jun 1970, satu lagi kejadian serang hendap komunis berlaku berdekatan Kroh, Perak yang menyebabkan empat orang tentera mati dan 10 lagi cedera.¹⁷ Pada 11 Ogos 1971 pula, empat orang anggota keselamatan kerajaan terbunuh dalam kejadian serang hendap oleh komunis

di Padang Terap di Kedah Utara.¹⁸ Sementara itu, pada sekitar Januari 1974, dilaporkan sekumpulan komunis menyerang hendap pasukan keselamatan berdekatan Sungai Liang, enam batu dari Raub, Pahang. Kejadian komunis itu mengakibatkan dua orang anggota pasukan keselamatan terbunuh, iaitu Kapten Shahmunathan dari Petaling Jaya dan Pte. Muhamad Isa Hassan dari Selama, Perak. Dalam pada itu, pada 7 Januari 1974, segerombolan komunis menyerang dan mencederakan dua orang pegawai keselamatan di Chuping, Perlis. Kumpulan komunis yang sama kemudian menyerang hendap tujuh orang polis peronda pada 10 Januari 1974 di sebuah ladang tebu di Perlis. Polis berkenaan membalas tembakan dan berjaya membunuh dua orang komunis dan dua lagi dapat ditangkap.¹⁹

Dalam kejadian lain, pada 24 Mac 1975, komunis melancarkan serang hendap terhadap motorbot tentera kerajaan di tepi Sungai Nenggiri, Kuala Krai, Kelantan. Dalam kejadian itu, tiga orang tentera telah menjadi mangsa korban tindakan komunis (Mohamed Salleh 2006: 162). Sementara itu, pada 18 Jun 1975, lapan orang anggota Pasukan Polis Hutan telah terbunuh dalam satu kejadian serang hendap komunis di sempadan Malaysia-Thailand di kawasan berdekatan Bukit Kayu Hitam. Kejadian itu turut menyebabkan tiga orang kakitangan Jabatan Ukur Malaysia dan empat orang Pasukan Peronda Sempadan Polis Thailand terkorban disamping tiga lagi anggota Pasukan Polis Hutan Malaysia serta dua polis Thailand cedera. Kejadian itu berlaku ketika tiga orang kakitangan Jabatan Ukur sedang menjalankan kerja mengukur di daerah Kubang Pasu berdekatan sempadan Thailand-Malaysia dengan dibantu oleh Pasukan Polis Hutan.²⁰ Manakala, dalam serangan hendap komunis terhadap Pasukan Polis Hutan pada petang 14 Ogos 1975 di kawasan Betong di sempadan Thailand-Malaysia telah menyebabkan dua orang Polis Hutan Malaysia mati dan enam cedera. Dalam kejadian itu, dua kenderaan perisai yang dinaiki oleh pasukan itu telah diserang hendap oleh komunis di sebuah kampung berdekatan sempadan Thailand-Malaysia.²¹ Dua minggu selepas kejadian tersebut, pada 3 September 1975, komunis telah menyerang kem Pasukan Polis Hutan (PPH) di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur dengan membaling bom tangan yang meragut nyawa dua orang anggota PPH dan mencederakan 41 orang yang lain.²² Manakala, dalam kejadian serangan komunis yang berlaku pada 22 September 1975 di kubu hutan pasukan tentera kerajaan di Ulu Kelantan, beberapa orang tentera telah terbunuh (Mohamed Salleh 2006: 162).

Keganasan komunis seterusnya berlaku pada 24 Mac 1976, seorang

anggota Senoi Praaq terbunuh apabila bot yang dinaikinya diserang hendap oleh komunis di Kuala Sungei Peluru di Kelantan Tengah. Dalam kejadian itu, dua orang anggota polis yang lain dapat menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa komunis.²³ Sementara itu, pada 17 April 1976, empat orang askar cedera dalam dua kejadian komunis di kawasan berdekatan sempadan Kedah/Thailand. Antaranya, tiga orang askar mengalami kecederaan apabila komunis melepaskan tembakan ke atas helikopter yang mendaratkan mereka. Seorang lagi askar cedera kerana terkena perangkap samar komunis. Manakala, pada 26 April 1976, sebuah RMAP S61 helikopter Nuri jatuh terhempas kerana ditembak bertubi-tubi oleh komunis di kawasan hutan simpanan Ulu Muda, Kedah yang menyebabkan 11 orang anggota keselamatan terbunuh.²⁴ Pada 3 Jun 1976 pula, seorang anggota Special Branch dicerderakan oleh komunis di Kuala Lumpur.²⁵

Dalam kejadian lain, pada 22 Jun 1976, komunis menyerang hendap seorang sarjan polis bagi Balai Polis Kampung Baru Chai Chak di selatan Ipoh, Perak. Namun demikian, komunis gagal membunuhnya dan mereka melarikan diri apabila sarjan polis berkenaan melepaskan tembakan ke arah komunis yang terlibat.²⁶ Manakala, pada 18 Ogos 1976, seorang anggota bawah tanah PKM melemparkan bom tangan ketika pemeriksaan polis dilakukan di bandar Sungai Siput, Perak. Dalam kejadian itu, tiada kecederaan dilaporkan berlaku di pihak polis tetapi anggota komunis berkenaan telah ditembak mati oleh polis.²⁷ Kejadian komunis berlaku lagi pada 27 Ogos 1976 dimana seorang koprak mata-mata gelap dibunuh di Tampoi, Johor oleh dua orang komunis berpistol yang mengekori mangsa. Ekoran itu, perintah berkurung dikenakan di kawasan Kampung Baru Tampoi mula 10 malam pada 27 Ogos sehingga 10 pagi 28 Ogos untuk membolehkan siasatan dilakukan dari rumah ke rumah. Manakala, pada 2 September 1976, seorang tentera terkena tembakan pada kepalanya dan terbunuh dalam satu pertempuran dengan komunis di timur laut Ipoh, Perak. Dalam kejadian itu, komunis turut mencederakan seorang lagi tentera.²⁸ Sementara itu, pada 18 Disember 1977, dua orang anggota keselamatan, Ismail bin Sarim dan Alias bin Singah diserang hendap dan dibunuh oleh komunis di kawasan Sungai Pertang, lebih kurang lima batu di barat daya Kampung Baru Sungai Ruan berdekatan Raub, Pahang. Pada 28 Februari 1978, *Police Mobile Patrol Vehicle* (MPV) telah diserang oleh *Malayan peoples Liberation Army* (MPLA) di Seremban, Negeri Sembilan. Kejadian itu mengakibatkan seorang konstable polis terbunuh dan yang lain cedera. Kumpulan komunis itu turut melarikan 15 pucuk senapang.²⁹

Dalam perkembangan lain, pada 9 Mei 1981, dua orang polis diserang oleh komunis di Mengkuang, Pahang.³⁰ Manakala, pada 18 Mei 1981, kira-kira 10 pagi, sebilangan komunis yang tidak diketahui jumlahnya telah melepaskan tembakan terhadap pasukan keselamatan yang sedang membuat rondaan di hutan simpanan Bukit Kinta, kira-kira 25 kilometer dari Ipoh, Perak. Seorang anggota komunis berjaya dibunuh dalam pertempuran itu.³¹ Dalam kejadian serang hendap komunis di Kampung Baling, Kedah pada 20 Oktober 1981 telah menyebabkan tiga orang tentera mati dan dua orang cedera.³² Dalam kejadian lain, pada malam 9 Jun 1982, seorang anggota pasukan keselamatan, Koperal Shaari Mat Deris terkorban dan seorang lagi cedera parah dalam pertempuran dengan komunis di kawasan Mengkarak, Pahang. Pertempuran itu berlaku ketika pasukan keselamatan sedang menjalankan rondaan di kawasan Mengkarak. Dalam kejadian itu, dua orang komunis turut ditembak mati oleh pasukan keselamatan. Berikutnya, operasi susulan dijalankan dalam kawasan tersebut dan perintah berkurung selama 24 jam dikuatkuasakan di kawasan kebun-kebun getah bagi membolehkan pihak keselamatan menjalankan gerakan memburu komunis yang terbabit. Tempoh berkurung hanya dikurangkan kepada 12 jam sehari iaitu dari 6 petang hingga 6 pagi keesokan hari mulai 18 Jun 1982 untuk membolehkan pekebun-pekebun kembali bekerja di kebun-kebun getah mereka.³³

Selain melancarkan serangan terhadap pasukan polis, komunis juga menyerang dan membakar pondok serta balai polis. Antara kejadian itu telah dilaporkan berlaku pada 14 Disember 1969, segerombolan komunis melepaskan tembakan ke arah Balai Polis Padang Besar, Perlis tetapi tidak mengakibatkan sebarang korban jiwa.³⁴ Dalam kejadian lain, pada 24 April 1974, komunis melemparkan bom tangan ke dalam balai polis Kampung Baru Tawas di kawasan industri Tasek, Ipoh, Perak. Sebutir bom tangan meletup dan menyebabkan sedikit kerosakan pada bangunan tetapi tiada kecederaan dilaporkan.³⁵ Manakala, pada 29 April 1975, lima pondok polis di Kuala Lumpur, iaitu di Jalan Stadium, Jalan Pasar Baru, Jalan Brunei Selatan, Kepong Baru dan di persimpangan Jalan Parlimen-Jalan Raja telah dibakar oleh komunis. Dalam kejadian itu, polis turut menjumpai bendera-bendera komunis di tempat kejadian.³⁶ Pada 10 Mei 1976 pula, serangan komunis dilaporkan berlaku di Balai Polis Simpang Pertang yang menyebabkan seorang anggota polis terbunuh dan tiga lagi cedera termasuk isteri kepada seorang anggota polis yang cedera.³⁷ Sementara itu, pada 17 Disember 1978, komunis mencabar lagi pasukan polis dengan melancarkan serangan ke atas Balai Polis

Beranang di Selangor.³⁸ Pada 16 Oktober 1980 pula, dilaporkan segerombolan komunis menyerang Balai Polis Batu Pahat, Johor. Namun demikian, tiada sebarang kecederaan atau kematian berlaku.³⁹

Selain itu, komunis turut mencabar pasukan keselamatan dengan mensabotaj Lapangan Terbang TUDM Sungai Besi dan mengakibatkan sebuah pesawat Caribou TUDM rosak. Kejadian komunis itu berlaku pada 31 Mac 1974.⁴⁰ Pada 26 Ogos 1975 pula, Tugu Negara di Kuala Lumpur yang menjadi mercu tanda kemenangan perjuangan negara menentang PKM dalam zaman darurat (1948-1960) telah dibom oleh komunis. kejadian itu menyebabkan tujuh patung tentera telah rosak. Sejak itu, kawasan Tugu Negara diisytiharkan sebagai kawasan kawalan pada waktu malam, iaitu dari pukul 6 petang hingga 6 pagi.⁴¹

Selain itu, pegawai-pegawai kanan polis juga menjadi sasaran komunis kerana mereka adalah pihak yang bertanggungjawab terhadap perancangan operasi memburu dan menghapuskan komunis. Dalam hal ini, Timbalan Penguasa Polis, Wong Lin Hoon menjadi sasaran pertama komunis dalam rancangan pembunuhan ke atas pegawai kanan pasukan keselamatan negara untuk melemahkan semangat pegawai-pegawai keselamatan dalam menjalankan tugas mereka. Mangsa dibunuh oleh komunis di Kuala Lumpur pada 18 Januari 1973. Ini diikuti dengan pembunuhan Ketua Inspektor, Chin Chin Kou pada 12 Julai 1973 di Serdang, Kedah dan Detektif Sarjan, Cheng Kek Oh di Sungai Siput, Perak pada 22 Oktober 1973.⁴² Pada tahun 1974, berlaku lagi tiga kejadian pembunuhan terhadap pegawai pasukan keselamatan, iaitu Detektif Konstable, Lee See Kaw di Malim Nawar, Perak pada 3 Januari 1974; Detektif Sarjan Lee Yoon Chin di Melaka pada 20 April 1974 dan Detektif Konstable, Ong Soon Chua di Chemor, Perak.⁴³ Dalam kejadian lain, pada pagi 7 Jun 1974 pula, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haji Abdul Rahman bin Hashim ditembak mati oleh dua lelaki yang tidak dikenali (kemudian dikenal pasti adalah anggota komunis) di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.⁴⁴

Sementara itu, pada 18 Mei 1975, seorang anggota Cawangan Khas, Leong Ming Kwong ditembak mati oleh dua orang komunis di Langkap, berdekatan Teluk Anson, Perak.⁴⁵ Pada 13 November 1975 pula, Ketua Polis Kontinjen Perak, Datuk Koo Chong Kong dan pemandunya, Sarjan Yeong Peng Cheong ditembak oleh dua ejen komunis yang menyamar sebagai pelajar sekolah di Ipoh, Perak. Khoo yang terkena empat tembakan di kepala kemudian meninggal dunia dan pemandunya mati di tempat kejadian. Berikutnya, operasi dijalankan di kawasan Ipoh, Taiping, Batu Gajah dan

Sungai Siput untuk menangkap mereka yang terlibat. Melalui operasi itu, 10 orang yang disyaki telah ditahan oleh pihak keselamatan.⁴⁶ Berikutan kejadian komunis di atas telah meletakkan keadaan keselamatan Malaysia di dalam keadaan membimbangkan. Kejadian komunis tersebut menunjukkan betapa azam komunis untuk merebut kuasa di Malaysia walaupun dengan cara revolusi dan pembunuhan ke atas pegawai-pegawai pertahanan negara. Bagaimanapun, tindakan komunis itu tidaklah melemahkan semangat rakyat, kerajaan dan pasukan keselamatan dalam menghapuskan komunis. Malahan kerajaan dengan kerjasama anggota keselamatan dan rakyat telah meneruskan pelbagai usaha untuk membasmi pergerakan komunis yang akhirnya berjaya ditumpaskan pada tahun 1989.

Serangan ke Atas Orang Awam

Dalam tempoh kebangkitan semula komunis di Semenanjung, orang awam tidak dapat lari dari serangan dan keganasan komunis. Serangan komunis terhadap orang awam sama ada atas sebab mereka bekerjasama dengan kerajaan dalam menentang komunis, mahupun tanpa sebab yang nyata. Tindakan komunis itu telah menjadi satu ancaman kepada keselamatan penduduk kerana serangan komunis menyebabkan berlakunya kecederaan dan kematian.

Antara kejadian serangan komunis terhadap orang awam telah berlaku pada 24 Julai 1969 di sebuah kampung perlombongan terpencil di Sintok, Utara Kedah. Dalam kejadian itu, segerombolan komunis mengheret seorang wanita Cina dari rumahnya dan wanita itu kemudian ditembak mati di hadapan penduduk kampung berkenaan. Dilaporkan bahawa pembunuhan itu dilakukan oleh komunis untuk membalas dendam ke atas mangsa yang merupakan bekas anggota komunis dan telah menyerah diri kepada pihak berkuasa lalu menjadi pemberi maklumat kerajaan.⁴⁷ Selepas itu, komunis dilaporkan muncul di Kampung Weng di daerah Baling, Kedah dan juga di Kampung Sama Gajah, Ulu Kroh, Perak pada pertengahan Oktober 1969 untuk meminta penduduk memberi bantuan kepada mereka.⁴⁸ Malahan, dilaporkan komunis telah muncul sebanyak tiga kali di kawasan Grik di Perak pada lewat November 1969. Mereka menanyakan penduduk tempatan tentang pergerakan pasukan keselamatan di situ dan meminta penduduk bekerjasama dengan mereka.⁴⁹

Sementara itu, pada tahun 1977, empat orang awam telah menjadi mangsa keganasan komunis. Mereka terdiri daripada seorang anggota Rukun Tetangga yang sedang menampal poster anti komunis di Kuala Lumpur dan

tiga mangsa lain ialah anggota *Surrendered Enemy Personnel* (SEP) yang dianggap sebagai tali barut kerajaan oleh PKM. Pembunuhan oleh komunis ini seolah-olah memberi amaran kepada orang awam yang memberi kerjasama kepada kerajaan dalam hal-hal memelihara keamanan negara. Begitu juga seorang Cina selaku setiausaha Rukun Tetangga di Machap Bharu, Melaka telah dibunuh oleh komunis pada 24 April 1977.⁵⁰ Manakala, pada 28 Jun 1980, kejadian komunis turut dilaporkan berlaku di Pahang yang melibatkan seorang pekebun kecil dibunuh oleh komunis di kawasan Raub.⁵¹

Dalam kejadian lain di Pahang, pada 21 Disember 1981, seorang orang awam dibunuh oleh komunis di Kampung Baru Cheroh.⁵² Sementara itu, pada 22 Mac 1982, tiga orang komunis bersenjata melepaskan tembakan terhadap seroang penoreh getah di sebuah kebun getah, letaknya lapan batu dari sempadan iaitu berdekatan Baling, Kedah. Kejadian itu berlaku ketika penoreh berkenaan sedang mengumpul susu getah dan komunis melepaskan beberapa tembakan ke arahnya. Namun, penoreh itu sempat melarikan diri tanpa kecederaan dan kemudian melaporkan kejadian itu di balai polis.⁵³ Selain itu, pada 3 November 1982, seorang penduduk bernama Shariff bin Long terbunuh dan dua lagi cedera apabila sekumpulan komunis menyerang lima orang penduduk Kampung Kerdau berdekatan kawasan kebun getah Paya Sat, kira-kira satu kilometer dari Pekan Kerdau, Pahang. Kelima-lima penduduk kampung itu telah pergi ke kebun getah Paya Sat untuk mencari tujuh ekor lembu mereka yang telah hilang sejak empat hari lalu. Mereka terserempak dengan komunis dan ditembak oleh mereka yang menyebabkan kematian dan kecederaan.⁵⁴ Bagaimanapun, kegiatan komunis itu tidaklah menghilangkan kepercayaan rakyat kepada pihak kerajaan, malahan mereka terus menyokong usaha kerajaan dalam menghapuskan gerakan komunis dan memulihkan keamanan. Dengan adanya kerjasama rakyat, akhirnya komunis berjaya ditumpaskan oleh kerajaan.

Sabotaj Kemudahan Awam dan Projek Awam

Selain itu, komunis turut merosakkan kemudahan perhubungan penduduk. Ini dapat dilihat dalam kejadian yang berlaku pada 25 Oktober 1969, dimana komunis memasang periuk api di sepanjang sebahagian jalan antara Changlun dengan Sadao di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Tindakan komunis itu telah meletupkan jalan raya Alor Setar-Sadao di Batu 29, kira-kira satu batu dari sempadan.⁵⁵ Pada 11 Disember 1969, sekumpulan 20-30 orang komunis

menggunakan 200 hingga 250 paun bahan letupan untuk meletupkan jambatan keretapi di kampung Kok Mak, dua batu dari Padang Besar, Utara Perlis. Tindakan komunis itu mengakibatkan 60 hingga 70 kaki panjang landasan keretapi musnah. Selepas kejadian sabotaj itu, komunis menaburkan bendera dan risalah-risalah komunis di kawasan kejadian. Manakala, pada malam 14 Disember 1969, komunis menyusup masuk ke Padang Besar dan melepaskan 10-15 das tembakan ke arah belakang bangunan Balai Polis Padang Besar sebagai peringatan terhadap keganasan yang akan mereka lakukan. Bagaimanapun, tiada kematian atau kecederaan serta kerosakan bangunan yang dilaporkan.⁵⁶

Sementara itu, pada 24 April 1970, keretapi barangan dari Singapura ke Kuala Lumpur telah tergendala selama dua jam apabila siasatan dilakukan oleh pihak berkuasa kerana terjumpainya dua keping bendera komunis dan bom tangan di stesen keretapi Kulai, Johor.⁵⁷ Perbuatan komunis telah mengganggu perjalanan perkhidmatan keretapi dan menyebabkan kerugian kepada pihak berkaitan. Dalam kejadian lain, pada 9 Mac 1971, komunis meletupkan jambatan keretapi di Seberang Perak Utara tetapi perbuatan khianat mereka tidak berjaya. Terdapat laporan yang menyatakan kejadian itu sengaja dilakukan dengan tujuan membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka ada di mana-mana. Mereka juga bermaksud untuk meyakinkan rakyat bahawa gerakan mereka tidak mudah dikesan.⁵⁸

Tindakan sabotaj komunis yang lain telah berlaku pada 23 Mei 1974, melibatkan lebih kurang 100 orang gerila komunis. Mereka melintasi sempadan Thailand untuk melakukan sabotaj dengan meletupkan jentera-jentera dan lain-lain kelengkapan bagi membina Lebuhraya Timur-Barat kira-kira 25 batu dari Grik, Perak. Kejadian itu menyebabkan kerajaan mengalami kerugian bernilai kira-kira \$10 juta ringgit kerana kemusnahan 68 buah jentera dan jentera-jentera kecil yang digunakan bagi pembinaan lebuhraya itu.⁵⁹ PKM melakukan sabotaj ini adalah kerana mereka berasa bimbang dengan pembinaan lebuhraya tersebut yang akan memudahkan pergerakan pasukan keselamatan dan sebaliknya menimbulkan banyak kesukaran kepada pergerakan PKM.

Selain itu, dilaporkan juga sekumpulan 10 hingga 12 orang komunis telah melepaskan tembakan ke arah kawasan perumahan para pekerja bagi projek pembinaan Empangan Temenggor di kawasan Ulu Perak pada 9 Disember 1974. Dalam kejadian itu, dua orang telah menjadi mangsa keganasan komunis dan seorang lagi mengalami kecederaan. Mangsa ialah Komiko Ayukawa, isteri kepada seorang Penolong Pegawai Pentadbir bagi projek itu;

Mohamad Sanusi bin Yaakob, seorang pemandu landrover dan Rohaya binti Yahaya mengalami kecederaan kerana terkena tembakan komunis.⁶⁰ Tindakan komunis itu meningkatkan lagi kebencian rakyat terhadap mereka.

Keganasan komunis berlaku lagi pada 17 Februari 1975 dimana keretapi barangan yang sedang menuju ke Padang Besar telah disabotaj oleh komunis dengan memasang letupan di landasan keretapi. Kejadian itu mengakibatkan lima buah gerabak kosong terbalik dan kepala keretapi turut rosak. Di samping itu, komunis tersebut juga menyamun pekerja-pekerja keretapi wang tunai sebanyak \$53. Komunis itu kemudian menyebarkan 34 helai risalah dakyah komunis kepada pekerja-pekerja keretapi tersebut.⁶¹ Kejadian sabotaj komunis ke atas landasan keretapi dilaporkan lagi berlaku pada 9 Mei 1975 di Bukit Mertajam. Di tempat kejadian turut dijumpai bendera komunis tetapi tiada kecederaan dilaporkan.⁶² Begitu juga, sebuah keretapi barangan tergelincir akibat tindakan komunis merosakkan landasan keretapi di Tampin, Negeri Sembilan pada tahun 1976. Tiga lagi kejadian serupa juga dilaporkan berlaku di Negeri Sembilan dan Johor pada tahun berkenaan.⁶³ Walaupun tindakan komunis itu sedikit sebanyak telah mendatangkan kesusahan kepada pihak kerajaan serta pengguna dan pengurusan keretapi, tetapi usaha kerajaan untuk menentang komunis tidak pernah ditinggalkan.

Rompakan Bank

Pada tahun 1970-an, berlaku perpecahan dalam PKM kerana kelemahan kepimpinan dan timbul syak wasangka dalam kalangan anggota organisasi pusat parti. PKM berpecah kepada tiga kumpulan yang terdiri daripada Kumpulan Induk PKM dan dua kumpulan serpihan, yang dikenali sebagai Parti Komunis Malaya-Kumpulan Revolusi (PKM-KR) dan Parti Komunis Malaya-Marxist Leninist (PKM-ML) (Sim 1979: 8; Bedlington 1978: 178; Clutterbuck 1985: 285-286). Berikutan berlaku perpecahan dalam PKM, timbul pula masalah kewangan dalam cabang PKM kerana masing-masing menguruskan sumber kewangan kumpulan mereka sendiri. Cabang yang kecil seperti PKM-ML berdepan dengan sumber kewangan untuk menggerakkan pasukannya. Justeru itu, mereka mencari jalan untuk memperoleh sumber kewangan bagi menampung keperluan anggotanya. Keadaan ini mendorong komunis melakukan rompakan bank bagi mendapatkan wang untuk mengatasi masalah kewangannya pada tahun 1976.

Sehubungan itu, sekumpulan tiga orang kader dari PKM-ML telah

melakukan satu rompakan ke atas *Malayan Banking* Cawangan Sea Park, Petaling Jaya, pada pukul 1 tengahari, 17 Jun 1976. Mereka berjaya melarikan wang tunai sejumlah lebih kurang \$122,000 dalam masa lima minit sahaja dari bank berkenaan. Mereka kemudian menghantar \$80,000 daripada jumlah wang itu kepada PKM di kawasan sempadan. Kumpulan komunis itu seterusnya ditangkap dalam satu sekatan jalan raya yang diadakan oleh pihak keselamatan apabila mereka sendiri cuba menyeludup wang baki rompakan berjumlah \$42,000 ke sempadan Malaysia-Thailand.⁶⁴ Bagaimanapun, kejadian rompakan bank ini merupakan satu-satunya kegiatan komunis merompak bank sepanjang pergerakan mereka di Semenanjung Malaysia.

Penyusupan Komunis Dalam Institusi Pendidikan

Komunis melalui organisasi bawah tanahnya juga berusaha untuk melebarkan pengaruh komunis dalam kalangan belia di Malaysia, iaitu dengan menggunakan institusi pendidikan dan pertubuhan belia. Dalam hal ini, Tunku Abdul Rahman ketika berucap dalam majlis pembukaan bangunan UMNO di Banting, Selangor pada pertengahan November 1968 telah menyatakan bahawa komunis membentuk “Communist nests” di sesetengah sekolah Cina di Semenanjung Malaysia untuk mengorientasikan pemikiran pelajar ke arah perkembangan politik di China dan pencapaian Mao Tse-tung di China.⁶⁵

Usaha komunis menggunakan sekolah untuk menyebarkan pengaruh mereka turut terbukti dengan perjumpaan khemah latihan komunis cara Mao Tse-tung, iaitu khemah untuk latihan ideologi di Johor pada Mei dan Julai 1968 oleh pasukan keselamatan. Khemah terbesar dijumpai berdekatan Ladang Chuah Seng di Pontian, tiga khemah lagi ialah di Kampung Paya dan Kampung Yap Tau Sah di Kluang, serta di Sungai Rengit dalam daerah kecil Pengerang di Kota Tinggi. Pihak polis mendapati khemah itu adalah diselenggarakan oleh kader-kader komunis, anggota-anggota Parti Buruh dan pelajar-pelajar Sekolah Tinggi Cina. Pihak polis turut menjumpai bukti terdapat ramai pelajar sekolah menengah dan tinggi Cina telah mendapat latihan di situ. Sehubungan itu, sejak Mei 1968, dilaporkan sekurang-kurangnya 50 orang pelajar telah ditangkap oleh pihak keselamatan di Johor.⁶⁶ Di sini jelas dapat dilihat komunis cuba mempengaruhi pelajar-pelajar sekolah untuk membantu menggerakkan kegiatan mereka.

Sementara itu, dalam serbuan pasukan polis ke atas Ladang Chuah Seng di Pontian, Johor pada 16 Jun 1968, seramai 120 orang yang disyaki

kader dan penyokong komunis telah berjaya diberkas. Pihak polis kemudian mendapati seramai 17 orang daripadanya adalah penuntut dari sebuah sekolah menengah Cina di Johor Bahru.⁶⁷ Dengan itu, sekali lagi menampakkan pengaruh komunis telah meresap dalam kalangan pelajar-pelajar terutamanya pelajar sekolah Cina. Selain itu, pihak kerajaan telah berjaya mengesan 20 buah sekolah menengah Cina swasta di Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Johor yang dipercayai diserapi oleh anasir-anasir komunis. Begitu juga ramai pelajarnya telah ditangkap oleh pihak keselamatan kerana didapati memiliki risalah-risalah komunis.⁶⁸ Di samping itu, dalam gerakan menangkap orang yang disyaki terlibat dalam kegiatan komunis oleh pihak kerajaan di seluruh negara pada 9 November 1968, daripada seramai 140 orang yang ditangkap itu 19 orang adalah pelajar termasuklah enam orang bekas pelajar Universiti Nanyang.⁶⁹ Perkembangan ini menunjukkan unsur komunis telah meresap dalam kalangan pelajar sekolah Cina dan universiti.

Sementara itu, sejak tahun 1970, seorang siswa Universiti Malaya yang prokomunis telah menggunakan Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaya untuk menyebarkan dakyah komunisme. Sejak itu, dikesani majalah *Berita*, *Majalah Pantai*, *Sastera Universiti*, *Hsueh Hsih*, *Penyuluh* dan *Tunas Baru*, semuanya telah disisipkan dengan propaganda subversif yang bersahaja, tetapi bahaya. Dalam majalah *Berita* bertarikh 25 Mei 1972, misalnya, terdapat sebuah artikel yang memujuk siswa-siswi Universiti Malaya supaya menyertai “satu musim bunga yang indah” yang dimaksudkannya ialah PKM.⁷⁰ Perkara ini diperkukuhkan lagi melalui laporan yang dibuat oleh pihak berkuasa bahawa pada tahun 1973 telah memperlihatkan penyusupan komunis ke dalam Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya dengan tujuan untuk menyebarkan ideologi prokomunis dalam kalangan siswazah melalui pengeksploitasian budaya Cina. Berikutnya, kerajaan menerbitkan sebuah Kertas Putih Kerajaan pada 20 Disember 1974 bagi menghalang ancaman komunis daripada merebak dalam kalangan pelajar universiti khususnya dan kalangan belia umumnya.⁷¹ Dengan penerbitan Kertas Putih itu telah membuktikan adanya anasir komunis yang menyusup masuk ke dalam pemikiran sebilangan kecil pelajar Universiti Malaya.

Dilaporkan juga komunis cuba menyebarkan pengaruh dan aktiviti komunis dalam sekolah. Pada tahun 1976, misalnya, seramai 21 orang pelajar sekolah telah ditangkap dan 22 orang pada tahun 1977 kerana penglibatan mereka dalam aktiviti subversif. Selain itu, 10 orang guru sekolah turut ditahan atas sebab yang sama dalam tempoh tersebut. Pada tahun 1978, siasatan

yang dijalankan menunjukkan anggota Malayan National Liberation League (MNLL) dan Malayan National Liberation Army (MNLA) telah menyusup ke dalam sejumlah sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah Cina swasta di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Johor. Kebanyakan pelajar yang dipengaruhi itu adalah dari latar belakang pendidikan vernakular. Kesan daripada itu, tindakan diambil oleh pasukan polis untuk menumpaskan dan mengelakkan penyebaran pengaruh komunis di sekolah-sekolah dan ini telah membawa kepada penangkapan 97 orang pelajar serta guru sekolah yang terlibat pada tahun 1978.⁷² Perkembangan ini menunjukkan unsur komunis telah meresap ke dalam kalangan pelajar dan guru di sekolah Cina serta universiti. Namun demikian, kerajaan terus menjalankan penangkapan dan penahanan mereka yang dipengaruhi atau terpengaruh dengan kegiatan komunis di institusi pendidikan.

Penyerapan Pengaruh Komunis dalam Kesatuan Sekerja

Barisan Bersatu komunis juga meresap ke dalam kalangan pekerja dan menimbulkan kebimbangan bahawa tindakannya akan menjejaskan ekonomi negara. Oleh itu, kerajaan telah bertindak membatalkan pendaftaran empat buah kesatuan sekerja yang dipercayai telah diresapi oleh pengaruh komunis. Kesatuan sekerja berkenaan ialah Selangor Building Workers Trade Union (SBWTU), United Malayan Estate Workers Union (UMEWU), Electrical Industry Workers's Union of Malaya (EIWUM) dan Pineapple Industry Workers' Union (PIWU) yang telah dibatalkan pendaftarannya antara tahun 1967 hingga 1968.⁷³

Menurut Datuk Musa Hitam, ahli bawah tanah komunis menyerap dalam sesebuah kesatuan atau pertubuhan pekerja sebagai ahli biasa pada mulanya untuk melindungi identitinya, kemudian ahli itu bergiat aktif dan menunjukkan prestasi yang baik dalam kesatuan sehingga dia dilantik sebagai pemimpin atau ketua dan akhirnya membolehkannya menguasai kesatuan sekerja berkenaan.⁷⁴ Itulah cara yang digunakan oleh PKM untuk menguasai sesebuah pertubuhan atau kesatuan sekerja bagi membantu melanjutkan pergerakan mereka di Semenanjung Malaysia dalam era kebangkitan semula PKM. Namun demikian, kerajaan tidak membiarkan komunis meneruskan kegiatan dalam kalangan golongan pekerja dimana kerajaan bertindak menyekat penularan pengaruh komunis antaranya dengan membatalkan pendaftaran pertubuhan pekerja yang diresapi unsur subversif.

Penyerapan Pengaruh PKM Dalam Politik

Taktik PKM dalam menggunakan parti politik yang sah untuk menimbulkan kecelaruan politik di Semenanjung Malaysia memang telah dirancang oleh PKM apabila mereka mengambil keputusan untuk kembali berjuang di Semenanjung. Keadaan itu diakui sendiri oleh seorang anggota komunis yang telah lama bersama PKM pada tahun 1965 dimana antara lain beliau menyatakan “In Malaya the priority task was to cultivate cadres to carry out legal activities in all the legal political parties”.⁷⁵ Keadaan ini menjelaskan PKM berniat untuk merampas kuasa politik melalui penyusupannya dalam parti politik yang seterusnya menguasainya dan menewaskan kerajaan yang mentadbir.

Berdasarkan laporan kerajaan, didapati bahawa Parti Buruh Malaya (Labour Party of Malaya) dan Partai Rakyat adalah komponen utama dalam Barisan Bersatu (United Front) Komunis.⁷⁶ Adanya peresapan komunis dalam parti politik khususnya Parti Buruh Malaya dapat dilihat melalui pengakuan daripada beberapa orang pemimpin parti politik berkenaan. Pada 20 Ogos 1967, bekas penolong Setiausaha Agung Parti Buruh Malaya, Kam Yau-Wah telah membuatakuan bahawa beliau terlibat dalam kegiatan subversif komunis setelah beliau ditahan sejak 12 Julai 1967 dan kemudian dibebaskan. Pada 7 November 1968 pula, penolong Setiausaha Agung Parti Buruh Malaya, Liu Wen Hua, yang ditangkap pada 15 Ogos 1968 telah mengaku bahawa Parti Buruh Malaya telah dikuasai oleh komunis. Manakala, pada 9 November 1968, bekas pengerusi parti itu, Koh Kay Cham yang ditangkap pada 2 Mei 1968 pula mengaku bahawa beliau telah menjalankan kegiatan subversif komunis di negara ini sejak 13 tahun lalu. Beliau mengambil bahagian menyeludup buku-buku ajaran Mao Tse-tung dari Singapura ke negeri-negeri Melayu dan juga menyeludup masuk kader-kader komunis ke negeri Melayu.⁷⁷ Berdasarkan pengakuan tersebut, tidak dapat dinafikan terdapatnya pemimpin Parti Buruh Malaya yang terlibat dalam kegiatan subversif komunis.

Sementara itu, dalam serbuan pasukan polis ke atas Ladang Chuah Seng, 11 batu dari Pontian, Johor pada subuh pagi 16 Jun 1968, seramai 120 orang yang disyaki kader dan penyokong komunis telah berjaya diberkas. Pihak polis mendapati sebahagian orang yang ditangkap itu adalah pekerja-pekerja barisan depan pergerakan komunis bawah tanah yang datang dari Singapura, Johor Bahru, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak serta pelajar-pelajar sekolah menengah Cina kebangsaan. Ada juga antara mereka

terdiri dari anggota parti-parti sayap kiri seperti Barisan Sosialis Singapura, Parti Buruh dan Parti Rakyat. Dalam serbuan itu, polis juga merampas 20 batang senapang kayu, bendera dan surat-surat komunis serta buku-buku yang mengandungi ajaran Mao Tse-tung.⁷⁸ Justeru, dapat dilihat adanya peresapan pengaruh komunis dalam parti-parti sayap kiri yang menyebabkan sebilangan kecil anggota parti itu terikut-ikut dengan kegiatan komunis.

Penglibatan pemimpin dan anggota parti politik dalam pergerakan komunis turut dilaporkan oleh pihak kerajaan melalui gerakan menangkap orang yang disyaki terlibat dalam kegiatan komunis yang dilancarkan pada 9 November 1968. Dalam gerakan itu, sejumlah 140 orang telah ditahan, iaitu 54 di Johor, 10 di Melaka, enam di Negeri Sembilan, 33 di Selangor, tiga di Perak, tiga di Kedah-Perlis, 20 di Pulau Pinang, lima di Kelantan dan enam di Pahang. Mereka itu terdiri daripada pegawai-pegawai dan ahli Parti Buruh, beberapa orang dari Parti Rakyat, seorang dari PAS dan beberapa orang dari kesatuan sekerja. Daripada itu, seramai 19 orang adalah pelajar termasuklah enam orang bekas pelajar Universiti Nanyang.⁷⁹ Dalam pada itu, pada lewat 1968, dilaporkan seramai 147 orang komunis dan yang bersimpati dengan komunis telah diberkas oleh pihak kerajaan. Antaranya termasuklah seorang anggota Dewan Undangan PAS Kelantan kawasan Rantau Panjang, Ahmad bin Yatim.⁸⁰ Selain itu, PKM juga cuba mensabotaj pilihan raya umum 1974 melalui kempen propaganda bawah tanah yang merancang untuk membawa kepada boikot beramai-ramai terhadap pilihan raya itu. Usaha mereka gagal dan pilihan raya diadakan dengan lancar pada bulan Ogos dengan orang ramai memberi sokongan kuat kepada Barisan Nasional.⁸¹

Dalam perkembangan lain, dilaporkan pada tahun 1976, komunis telah pun berjaya meletakkan kedudukan mereka di peringkat yang maksima dan membahayakan keselamatan negara Malaysia apabila didapati komunis sudah pun menduduki jawatan kerajaan yang berpengaruh, iaitu di peringkat Menteri. PKM menjalin hubungan dengan pucuk pimpinan kerajaan Malaysia, iaitu beberapa orang yang berpengaruh dalam pentadbiran, pemimpin parti politik dan syarikat persuratkhabaran. Perkara ini terbukti dengan peristiwa penangkapan yang melibatkan beberapa orang pemimpin politik dalam pemerintahan kerajaan Malaysia sendiri dan pemimpin masyarakat setelah penyiasatan secara rapi dilakukan ke atas kegiatan mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negara Malaysia, Tan Sri Haniff Omar.⁸² Antara pemimpin politik yang disyaki dan kemudian ditahan ialah Datuk Abdullah Ahmad, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta Abdullah

Majid, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat pada ketika itu. Keduanya ditahan oleh pihak berkuasa pada 2 November 1976. Manakala, pemimpin masyarakat yang ditahan di bawah akta ini pada ketika itu kerana kegiatan pro-komunis termasuklah A. Samad Ismail, Ketua Pengarah *The New Straits Times*; Samani Mohd. Amin, Pengarang *Berita Harian*; Tan Kwee Shan, Ketua Setiausaha Kerja MCA; Kassim Ahmad, Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaya; Chen Kok Kit, Penolong Bendahari Kebangsaan DAP dan Chiang Heng Kai, anggota Parlimen DAP bagi kawasan Batu Gajah.⁸³ Begitu juga demi melicinkan pilihan raya kerana dipercayai terdapat anasir komunis yang menyusup dalam parti politik, polis telah melancarkan gerakan untuk menangkap seramai 116 anggota komunis, penyokong dan mereka yang bersimpati dengan komunis pada 9 November 1968.⁸⁴ PKM berharap melalui ini dapat melebarkan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat dan sekaligus menimbulkan masalah kepada kerajaan.

Bagaimanapun, penyusupan pengaruh komunis dalam parti politik telah dinafikan oleh pemimpin parti politik pada tahun 1983. Antaranya, Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri yang menegaskan PAS menentang ideologi yang bertentangan dengan Islam kerana ideologi itu adalah menyeleweng yang boleh mempengaruhi ummah. Manakala, Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Kassim Hassan, menyatakan partinya tidak mempunyai kaitan langsung dengan komunis kerana PSRM adalah parti yang patuh kepada perlembagaan negara.⁸⁵ Di sini dapat dilihat usaha komunis dalam mempengaruhi dan mempergunakan pemimpin masyarakat serta politik bagi melebarkan pengaruh dan sokongan terhadap pergerakan mereka menghadapi halangan. Kerajaan berjaya menahan mereka yang disyaki terlibat atau bersimpati dengan komunis.

Mengibarkan Bendera dan Menyebarkan Risalah Komunis

Selain itu, dalam era kemunculan semula PKM ini juga dapat dilihat kegiatan komunis yang cuba bersaing kuasa dengan pihak kerajaan dimana mereka telah mengibarkan bendera komunis dan menyebarkan risalah komunis di tempat-tempat awam di bandar-bandar di Semenanjung Malaysia. Kegiatan komunis ini terutamanya dilakukan pada peringkat awal kemunculan semula komunis di Semenanjung Malaysia untuk menunjukkan kepada orang awam bahawa mereka kembali berjuang semula di Semenanjung dan untuk mencabar pihak kerajaan.

Antaranya, pada 19 Jun 1968, pihak polis telah menjumpai risalah komunis yang ditulis dengan tangan berserta bendera komunis di lima buah kawasan di Kuala Lumpur, iaitu di kedai-kedai di Jalan Loke Yew, Segambut, Jalan Ipoh, Jalan Maxwell dan Serdang Bahru. Risalah komunis itu menyeru rakyat meneruskan perjuangan bersama PKM.⁸⁶ Pada 20 Jun 1968 pula, polis telah menjumpai beberapa helai bendera PKM yang berwarna merah dan berbintang kuning terkibar di beberapa buah bangunan dan tiang letrik di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Muar. Antaranya, bendera itu dijumpai terkibar di bangunan rumah pangsa di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur dan di tiang-tiang letrik di Jalan Jelutong, Noordin Street serta Beach Street di Pulau Pinang. Bersama-sama itu, polis turut menjumpai risalah dan poster komunis yang ditampal pada dinding-dinding bangunan serta diedarkan kepada orang awam.⁸⁷ Manakala, pada 12 Disember dan sekali lagi 16 Disember 1968, dua helai bendera komunis dijumpai di bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pejabat Tanah di Kuala Lumpur.⁸⁸ Tindakan PKM ini seolah-olah untuk mencabar kekuasaan pihak kerajaan dan memberi ingatan kepada orang awam tentang pengaruh komunis yang semakin meluas dan boleh muncul di mana-mana.

Kesimpulan

Daripada kajian ini jelas bahawa komunis masih merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara selepas merdeka. Kegiatan yang dijalankan oleh komunis telah menimbulkan banyak masalah dan ketidak tenteraman dalam negara. Daripada pelbagai kegiatan komunis itu juga dapat dilihat mereka semenangnya berusaha untuk memperkuat perjuangan bagi mencapai matlamat PKM dalam menumpaskan kerajaan yang berkuasa. Untuk itu, PKM telah melakukan pelbagai strategi untuk menguasai golongan pelajar, belia, pekerja, pemimpin masyarakat dan politik. Justeru, masalah komunis ini masih merupakan satu bahaya ancaman kepada kerajaan dan juga cabaran besar yang dihadapi oleh negara selepas merdeka. Walaupun komunis telah melakukan kegiatan keganasan, pembunuhan, gangguan, penyusupan dan sabotaj di Semenanjung Malaysia dalam era kemunculan semulanya pada tahun 1968 hingga 1989, namun ianya tidak melemahkan usaha kerajaan bagi menghapuskan pergerakan PKM. Sebaliknya, kerajaan telah melipatgandakan usaha bagi menentang komunis dengan melancarkan operasi-operasi di kawasan gerak tindak mereka. Kegiatan komunis semakin berkurangan mulai

tahun 1981 juga berikutan tekanan berterusan hasil operasi ketenteraan pihak keselamatan Malaysia dan Thailand yang berterusan, kegagalan rancangan komunis untuk memperoleh sokongan orang Melayu serta penyerahan diri Musa Ahmad, pengerusi PKM kepada pihak kerajaan telah meninggalkan kesan mendalam terhadap semangat juang komunis. Umumnya, dapat dikatakan perjuangan PKM kali kedua ini juga menghadapi jalan yang sukar akibat tentangan dari pasukan keselamatan dan usaha bersepadu kerajaan Malaysia dalam membanteras pergerakan PKM. Dengan demikian, menjelang tahun 1989, perjuangan bersenjata PKM sudah mulai pudar berikutan penurunan secara mendadak dalam keseluruhan kegiatannya. Akhirnya PKM bersetuju untuk berdamai dengan pihak kerajaan melalui perjanjian damai pada 2 Disember 1989 di Hotel Lee Gardens, Hatyai, Selatan Thailand.

Nota Akhir

1. Zaman darurat (1948-1960) di Tanah Melayu berkait rapat dengan masalah komunis dan PKM. Gerakan komunis selepas Perang Dunia Kedua semakin menjurus ke arah pergerakan bersenjata dan membahayakan keselamatan penduduk serta keamanan negara. Justeru, Undang-undang Darurat dikuatkuasakan. Untuk keterangan lebih lanjut tentang zaman darurat rujuk Ho Hui Ling 2011 dan 2010a.
2. FCO 24/1741, Malayan Liberation Front cc Issues Anniversary Statement; FCO 24/474, Research Memorandum, Thomas L. Hughes, "The Malaysian Communists: Serious Menace or Perpetual Irritant?". Pengumuman PKM itu turut dinyatakan oleh Muhammad Ghazali Shafie, Tan Sri. 1976. *Subversive Activities: how they are disrupted*, hlm. 2; *Royal Malaysia Police Annual Report 1968*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1970, hlm. 71.
3. *The Path of Violence to Absolute Power*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1968, hlm. 1.
4. *The Malaysian Army's Battle against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat, 2001, hlm. 6.
5. *Penyata Rasmi, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Keempat*, Jilid IV, Bil. 14, 17hb Julai 1974, hlm. 1660.
6. *The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971, hlm. 10.

7. Sejarah perkembangan gerakan komunis di Sarawak dibincangkan dengan meluas dalam *The Communist Threat to Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1966, hlm. 3; Malaysia. 1972. *The Threat of Armed Communism in Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, hlm. 5 dan 12-17.
8. *The Malaysian Army's Battle Against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*, hlm. 17. Lihat juga *Berita Harian*, 24 November 1969: 1.
9. *The Malaysian Army's Battle against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*, hlm. 19-27; *Communism in Malaysia and Singapore*, Mac 1971, hlm. 14.
10. FCO 15/2161, Communist Threat to Malaysia: July 1975-July 1976 (The British High Commissioner at Kuala Lumpur to The Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs).
11. *The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*, hlm. 30-33.
12. *Ibid.*, hlm. v-vi.
13. *Suara Rakyat*, 25 Oktober 1975: 12-13; Muhammad Ghazali Shafie, Tan Sri. 1976. *Subversive Activities: how they are disrupted*, hlm. 30.
14. FCO 24/474, Research Memorandum, Thomas L. Hughes, "The Malaysian Communists: Serious Menace or Perpetual Irritant?"; *The Path of Violence to Absolute Power*, hlm. 4.
15. *Malaysia 1969 Official Year Book*, Vol. 9. Government Press, 1971, hlm. 97; *Royal Malaysia Police Annual Report 1969*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971, hlm. 76.
16. *The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*, hlm. 4-5. Lihat juga *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97; *Berita Harian*, 26 Oktober 1969: 1 dan 14; 28 Oktober 1969: 1; 29 Oktober 1969: 1.
17. *Communism in Malaysia and Singapore*, hlm. 26; *Sin Chew Jit Poh*, 5 Jun 1970: 5.
18. FCO 24/1161, Daily Telegraph, 2 November 1971.
19. FCO 15/1919, British High Commissioner, 22 January 1974, "The Security Situation in Peninsular Malaysia".
20. Anggota Pasukan Polis Hutan yang tekorban ialah MM Maan bin Ahmad Sirat, MM Suparman bin Masron, MM Alizar bin Suruman, MM Mohd. Zahid bin Jumaat, MM Madiun bin Abdul Wahab, MM Abu Nordin bin Ibrahim, MM Saian bin Salimin dan MM Mohd. Nor bin Tumin dari Batalion Ke-6 Pasukan Polis Hutan Kuala Lumpur.

- PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, April-Jun 1975, hlm. 18. Nama-nama mangsa turut dinyatakan di dalam *PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia. Jan.-Mac. 1976: 39; *Sin Chew Jit Poh*, 19 Jun 1975: 5; 20 Jun 1975: 5.
21. *Sin Chew Jit Poh*, 16 Ogos 1975: 5.
 22. *Sin Chew Jit Poh*, 13 November 1975: 5; *The Straits Times*, 31 December 1976: 10. Rujuk juga *The Malaysian Army's Battle against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*, hlm. 29-31.
 23. FCO 15/2161, H.N. Oakden, Major for Defence Adviser, Monthly Security Round-up March 1976.
 24. FCO 15/2161, H.N. Oakden, Major for Defence Adviser, Monthly Security Round-up April 1976.
 25. *Royal Malaysian Police, Police Report 1976-1978*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1983, hlm. 125-126.
 26. FCO 15/2161, H.N. Oakden, Major for Defence Adviser, Monthly Security Round-up June 1976; *Royal Malaysian Police, Police Report 1976-1978*, hlm. 125.
 27. *Sin Chew Jit Poh*, 20 Ogos 1976: 3.
 28. FCO 15/2161, H.N. Oakden, Major for Defence Adviser, Monthly Security Round-up September 1976.
 29. *Malaysia 1978 Official Year Book*, Vol. 18. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1981, hlm. 136; *Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978*, hlm. 127 dan 143.
 30. *Malaysia 1981 Official Year Book*, Vol. 21. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1984, hlm. 140.
 31. *Berita Harian*, 19 Mei 1981: 1.
 32. *Sin Chew Jit Poh*, 22 November 1981: 4.
 33. *Berita Harian*, 15 Jun 1982: 1; *Sin Chew Jit Poh*, 15 Jun 1982: 3; 27 Jun 1982: 12.
 34. *Berita Harian*, 16 Disember 1969: 1.
 35. *The Malay Mail*, 25 April 1974: 1.
 36. *The Malay Mail*, 30 April 1975: 1.
 37. *Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978*, hlm. 125-126.
 38. *Malaysia 1978 Official Year Book*, Vol. 18, hlm. 136; *Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978*, hlm. 127 dan 143.
 39. *Berita Harian*, 29 Januari 1983: 1.

40. *Utusan Malaysia*, 5 Jun 1974: 1; 27 Ogos 1975: 1; *The Straits Times*, 31 December 1976: 10; *Berita Harian*, 3 Julai 1976: 1. Lihat juga FCO 15/1930, To Immediate FCO Telno. 179 of 07 June 1974, Immediate Info Singapore, Murder of Inspector General of Police in Malaysia; FCO 15/2072, Malaysia: Annual Review For 1974.
41. *The Straits Times*, 31 December 1976: 10; *Sin Chew Jit Poh*, 27 Ogos 1975: 5. Rujuk juga *The Malaysian Army's Battle against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*, hlm. 29-31.
42. *Berita Negeri Pahang*, Bil. 1, Januari 1974: 6. Pembunuhan Chin Chin Kou oleh komunis turut dinyatakan dalam *Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1977, hlm. 94.
43. FCO 15/1919, British High Commissioner, 22 January 1974, "The Security Situation in Peninsular Malaysia; FCO 15/1921, Malaysia: Annual Review For 1973 and Sir J. Johnstons Valedictory.
44. *Sin Chew Jit Poh*, 7 Jun 1974: 5; 31 Disember 1976: 3; *Utusan Malaysia*, 5 Jun 1974: 1; 27 Ogos 1975: 1; *The Straits Times*, 31 December 1976: 10; *Berita Harian*, 3 Julai 1976: 1. Lihat juga FCO 15/1930, To Immediate FCO Telno. 179 of 07 June 1974, Immediate Info Singapore, Murder of Inspector General of Police in Malaysia; FCO 15/2072, Malaysia: Annual Review For 1974.
45. *Berita Perak*, Bil. 5, Mei 1975: 1.
46. FCO 15/2162, Malaysia: Annual Review For 1975; FCO 15/2161, Communist Threat to Malaysia: July 1975-July 1976 (The British High Commissioner at Kuala Lumpur to the Secretary of State For Foreign and Commonwealth Affairs.
47. *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97; *Royal Malaysia Police Annual Report 1969*, hlm. 76; *Berita Harian*, 18 Disember 1969: 5.
48. *Communism in Malaysia and Singapore*, hlm. 25.
49. *Berita Harian*, 14 Oktober 1969: 1; 2 Disember 1969: 1.
50. *Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978*, hlm. 126-127; *Sin Chew Jit Poh*, 25 April 1977: 1.
51. *Sin Chew Jit Poh*, 5 Disember 1981: 8.
52. *Malaysia 1981 Official Year Book*, Vol. 21, hlm. 140.
53. *Sin Chew Jit Poh*, 24 Mac 1982: 4; 26 Mac 1982: 11.
54. *Berita Harian*, 6 November 1982: 17.
55. *The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*, hlm. 4-5;

- Berita Harian*, 26 Oktober 1969: 1 dan 14; 28 Oktober 1969: 1; 29 Oktober 1969: 1.
56. *The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*, hlm. 5. Lihat juga *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97; *Royal Malaysia Police Annual Report 1969*, hlm. 76.
57. *Sin Chew Jit Poh*, 25 April 1970: 5.
58. *Berita Harian*, 13 November 1983: 6; 3 November 1984: 5.
59. FCO 15/1919, British High Commissioner, Kuala Lumpur, 2 July 1974.
60. *Berita Perak*, Bil. 9, November dan Disember 1974: 21.
61. *PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, Jan.-Mac. 1976: 39. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 3 Disember 1981: 3.
62. *Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975*, hlm. 96.
63. *Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978*, hlm. 125.
64. *Berita Harian*, 18 Jun 1976: 1; *Sin Chew Jit Poh*, 18 Jun 1976: 4; *PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, April/Disember 1976: 62.
65. *The Malay Mail*, 17 November 1968: 1.
66. *Berita Harian*, 2 Disember 1968: 10.
67. *Berita Harian*, 17 Jun 1968: 1 dan 10; 10 November 1968: 12.
68. *Berita Harian*, 30 Julai 1968: 1.
69. *Berita Harian*, 14 November 1968: 1.
70. *Berita Harian*, 13 November 1983: 6.
71. *Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975*, hlm. 97.
72. *Royal Malaysia Police, Police Report 1976-1978*, hlm.128.
73. *The Path of Violence to Absolute Power*, hlm. 16-17.
74. *Nanyang Siang Pau*, 22 Januari 1984: 3.
75. *The Militant Communist Threat to West Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1966, hlm. 15.
76. *The Malay Mail*, 10 November 1968: 1.
77. *Berita Harian*, 10 November 1968: 1 dan 12.
78. *Berita Harian*, 17 Jun 1968: 1 dan 10; 19 Jun 1968: 1.
79. *Berita Harian*, 14 November 1968: 1; *The Malay Mail*, 13 November 1968: 1.
80. *Berita Harian*, 20 Disember 1968: 5.
81. *Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975*, hlm. 97.
82. *Berita Harian*, 5 Februari 1977: 1.
83. *Majalah Dailog*, Edisi 1, Bil. 5, Kuala Lumpur: Cetakan Dany Press,

- Julai 1977, hlm. 43. Lihat juga *Pengakuan 3 Agen Musuh*. Jabatan Penerangan Malaysia, February 1977.
84. *Berita Harian*, 13 November 1983: 6.
 85. *Berita Harian*, 14 Jun 1983: 6.
 86. *The Malay Mail*, 20 June 1968: 1.
 87. *Berita Harian*, 21 Jun 1968: 1.
 88. *Berita Harian*, 17 Disember 1968: 1.

Rujukan

- Bedlington, Stanley S. 1978. *Malaysia and Singapore: The Building of New States*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Berita Harian*, 17 Jun 1968; 19 Jun 1968; 21 Jun 1968; 30 Julai 1968; 10 November 1968; 14 November 1968; 2 Disember 1968; 17 Disember 1968; 20 Disember 1968; 14 Oktober 1969; 26 Oktober 1969; 28 Oktober 1969; 29 Oktober 1969; 24 November 1969; 2 Disember 1969; 16 Disember 1969; 18 Disember 1969; 18 Jun 1976; 3 Julai 1976; 5 Februari 1977; 19 Mei 1981; 15 Jun 1982; 27 Jun 1982; 6 November 1982; 29 Januari 1983; 14 Jun 1983; 13 November 1983; 3 November 1984.
- Berita Negeri Pahang*, Bil. 1, Januari 1974.
- Berita Perak*, Bil. 9, November dan Disember 1974.
- Chin, Aloysius. 1995. *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*. Kuala Lumpur: Vinpress.
- Clutterbuck, Richard. 1985. *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia 1945-1983*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Communism in Malaysia and Singapore*, Mac 1971.
- FCO 15/1919, British High Commissioner, 22 January 1974, "The Security Situation in Peninsular Malaysia; British High Commissioner, Kuala Lumpur, 2 July 1974.
- FCO 15/1921, Malaysia: Annual Review For 1973 and Sir J. Johnstons Valedictory.
- FCO 15/1930, To Immediate FCO Telno. 179 of 07 June 1974, Immediate Info Singapore, Murder of Inspector General of Police in Malaysia.
- FCO 15/2072, Malaysia: Annual Review For 1974.
- FCO 15/2161 (Part A), Communist Threat to Malaysia: July 1975-July 1976 (The British High Commissioner at Kuala Lumpur to The Secretary

- of State for Foreign and Commonwealth Affairs).
- FCO 15/2161, H.N. Oakden, Major for Defence Adviser, Monthly Security Round-up March 1976, April 1976, June 1976, September 1976.
- FCO 15/2162, Malaysia: Annual Review For 1975.
- FCO 24/474, Research Memorandum, Thomas L. Hughes, "The Malaysian Communists: Serious Menace or Perpetual Irritant?"
- FCO 24/1161, Daily Telegraph, 2 November 1971.
- FCO 24/1741, Malayan Liberation Front cc Issues Anniversary Statement.
- FCO 15/1919, British High Commissioner, 22 January 1974, "The Security Situation in Peninsular Malaysia".
- Ho Hui Ling. 2015. *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) 1968-1989: Kebangkitan Semula dan Penumpasannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. 2011. *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Cetakan kedua.
- Ho Hui Ling. 2010a. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. 2010. "Kebangkitan Semula Parti Komunis Malaya (PKM) di Malaysia Pada Tahun 1968". *Purba*, 29: 162-182.
- Kitti Ratanachaya, General Dato'. 1966. *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand: Truce Talks Ending The Armed Struggle of the Communist Party of Malaya*. Bangkok: Dungkaew Publishing House.
- Majalah *Dailog*, Edisi 1, Bil. 5 Julai 1977, Kuala Lumpur: Cetakan Dany Press.
- Malaysia. 1972. *The Threat of Armed Communism in Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.
- Malaysia 1969 Official Year Book*, Vol. 9. Government Press, 1971.
- Malaysia 1978 Official Year Book*, Vol. 18. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1981.
- Malaysia 1981 Official Year Book*, Vol. 21. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1984.
- Miller, Harry. 1972. *Jungle War in Malaya: The Campaign against Communism, 1948-1960*. London: Arthur Barker Ltd.
- Mohamed Salleh Lamry. 2006. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Ghazali Shafie, Tan Sri. 1976. *Subversive Activities: how they are disrupted*.
- Nanyang Siang Pau*, 22 Januari 1984.
- Pengakuan 3 Agen Musuh*. Jabatan Penerangan Malaysia, February 1977.
- PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, April-Jun 1975.
- PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia. Jan.-Mac. 1976.
- PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, April/Disember 1976.
- Penyata Rasmi, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Keempat*, Jilid IV, Bil. 14, 17hb Julai 1974.
- Royal Malaysia Police Annual Report 1968*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1970.
- Royal Malaysia Police Annual Report 1969*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971.
- Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. 1977.
- Royal Malaysian Police, Police Report 1976-1978*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1983.
- Sim, Richard. 1979. "Malaysia: Containing the Communist Insurgency". London: Institute For The Study of Conflict.
- Sin Chew Jit Poh*, 25 April 1970; 5 Jun 1970; 7 Jun 1974; 19 Jun 1975; 20 Jun 1975; 16 Ogos 1975; 27 Ogos 1975; 13 November 1975; 18 Jun 1976; 31 Disember 1976; 25 April 1977; 22 November 1981; 3 Disember 1981; 5 Disember 1981; 24 Mac 1982; 26 Mac 1982.
- Suara Rakyat*, 25 Oktober 1975.
- The Communist Threat to Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1966.
- The Malay Mail*, 20 June 1968; 10 November 1968; 13 November 1968; 17 November 1968; 25 April 1974; 30 April 1975.
- The Malaysian Army's Battle against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat, 2001.
- The Militant Communist Threat to West Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1966.
- The Path of Violence to Absolute Power*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1968.
- The Resurgence of Armed Communism in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971.

Article: Ho Hui Ling

The Straits Times, 31 December 1976.

Utusan Malaysia, 5 Jun 1974; 27 Ogos 1975.

Ward, Ian and Miraflor, Norma (ed.). 2003. *Chin Peng My Side of History*
Singapore: Media Masters.

Nota Biografi

Ho Hui Ling (hohuilin@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Berkelulusan ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Malaysia dari Universiti Malaya. Fokus kajiannya ialah sejarah pergerakan komunis dan hubungan etnik di Malaysia. Dalam lima tahun terakhir beliau telah menulis beberapa buah buku dan artikel jurnal berkaitan bidang pengkhususannya. Buku terbaru yang dihasilkannya bertajuk *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya 1968-1989: Kebangkitan Semula dan Penumpasannya* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015).